

(2)

**SOALAN NO: 46**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI**  
**KAWASAN : DUNGUN**  
**TARIKH : 26 MAC 2018, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah usaha pembinaan sambungan LPT2 dari Gemuruh akan bermula.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai kesinambungan kepada Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 dan 2 yang telah beroperasi, Kerajaan telah menyiapkan Kajian Kemungkinan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) pada tahun 2009. Hasil kajian ini telah mengenalpasti cadangan jajaran laluan LPT3 iaitu dari Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pangkalan Kubor, Kelantan. Keputusan sama ada Kerajaan akan melaksanakan projek LPT3 ini adalah merupakan perkara dasar di mana yang sedang diperhalusi dan dipertimbangkan oleh pihak Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.